

ASEAN capai kata sepakat lindungi alam sekitar

Daripada G. MANIMARAN

CEBU CITY, Filipina 14 Jan. – Sebagai langkah tambahan menangani isu alam sekitar di rantau ini, termasuk masalah berjeribu teruk baru-baru ini, ASEAN bersetuju untuk mencapai satu kata sepakat berhubung soal perlindungan alam sekitar ketika sidang kemuncak di Singapura, November ini.

Dokumen itu bakal dinamakan sebagai Deklarasi Pemimpin-Pemimpin Mengenai Alam Sekitar Berkekalan dan diputuskan pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di sini, semalam.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 akan berlangsung di Singapura dalam tempoh 10 bulan lagi.


Kenyataan Pengerusi ASEAN yang dikeluarkan di akhir sidang kemuncak kali ini menyebut, pemimpin-pemimpin ASEAN telah membincangkan isu pencemaran jeribu merentasi sempadan di rantau ini dengan mendalam.

“Kami menekankan kepentingan membawa isu jeribu ke perhatian negara-negara lain dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa (yang berkaitan),” kata kenyataan tujuh halaman itu.

Menteri-menteri alam sekitar ASEAN telah pun meluluskan Resolusi Cebu Mengenai Pembangunan Berkekalan bagi menangani kesan ekonomi dan sosial serius yang berpunca daripada masalah alam sekitar.

Isu jeribu menjadi salah satu masalah sejak tahun 1998 ekoran pembakaran terbuka di Indonesia dan semakin serius tahun lalu sehingga menyebabkan sebahagian negara ASEAN memutuskan untuk meningkatkan kerjasama bagi menangani masalah berkenaan.

Mesyuarat khas juga diadakan pada suku terakhir tahun lalu di Jakarta dan beberapa pertemuan susulan kemudian.



**SIDANG
KEMUNCAK
ASEAN KE-12
CEBU, FILIPINA**

Kenyataan pengerusi itu turut menyenituh Deklarasi Cebu Mengenai Rangka Tindakan Piagam ASEAN, Komuniti Sosiobudaya ASEAN, Komuniti ASEAN Menjelang 2015, Komuniti Ekonomi ASEAN, merapatkan jurang pembangunan, perkembangan politik di Myanmar; hubungan luaran ASEAN, Sidang Kemuncak Asia Timur, ASEAN-Pertubuhan Kerjasama Shanghai, isu-isu serantau dan antara-bangsa dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Berkaitan dengan isu Myanmar, pemimpin-pemimpin ASEAN memutuskan bahawa mereka 'berpuas hati' dengan kemajuan yang dicapai ke arah proses perdamaian.

“Dalam hal ini, kami meminta supaya mereka yang masih diletakkan dalam tahanan dibebaskan dan dialog-dialog berkenaan diadakan dengan pihak-pihak yang berkenaan,” kata kenyataan tersebut.

Malah, kenyataan itu menyebut, pemimpin-pemimpin telah bersetuju bahawa kredibiliti ASEAN perlu dipertahankan sebagai salah satu pertubuhan serantau yang boleh menguruskan isu-isu penting di rantau ini.

Kelmarin, Rusia dan China menggunakan undi veto di Majlis Keselamatan untuk mengetepikan resolusi mengenakan sekatan ke atas Myanmar yang dibawa oleh Amerika Syarikat atas alasan badan itu bukan forum yang sesuai untuk membahaskan isu Myanmar.

Mengenai ketegangan di Semenanjung Korea, pemimpin-pemimpin ASEAN menggesa Korea Utara supaya tidak menjalan-



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan Perdana Menteri China, Wen Jiabao selepas menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian perkhidmatan perdagangan dalam kerjasama ekonomi antara ASEAN dan China di Pulau Mactan, Cebu, Filipina, semalam.

— Bernama

kan lagi sebarang ujian senjata nuklear pada masa depan.

ASEAN juga memutuskan untuk menyokong rundingan enam pihak dan usaha-usaha diplomatik lain bagi menyelesaikan isu berkenaan.

“Pada masa yang sama, kami memutuskan bahawa komuniti antarabangsa harus,

dalam terma-terma yang jelas, meminta Korea Utara menggugurkan program nuklearnya.

“Oleh itu, kami mengulangi komitmen kami untuk melaksanakan Resolusi 1695 dan 1718 berhubung tujuan ini,” kata kenyataan itu lagi.

— Utusan